



PROGRAM KOMUNITI JANUARI 2022



LAPORAN PROGRAM KOMUNITI & LA 21

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



PROGRAM PLOGGING MBS 2022 SEMPENA ULANGTAHUN KE-2 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

23 Januari 2022 (Ahad)

Lokasi

Kg Jkin Extreme Park, Jalan Bukit Putus Lama, Seremban

Objektif Program

1. Mewujudkan persekitaran bandar yang bersih dan harmoni di bawah kawasan Majlis Bandaraya Seremban
2. Memupuk semangat gotong-royong dalam kalangan masyarakat untuk memastikan kawasan bandar Seremban bersih dan ceria

Video Program





MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANGTAHUN KE-2 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

27 Januari 2022 (Ahad)

Lokasi

Masjid Kariah Panchor Jaya, Seremban

Maklumat Program

Majlis bacaan Yassin anjuran Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan di Masjid Kariah Panchor Jaya dan dihadiri oleh Datuk Bandar, YBhg. Dato' Masri Bin Haji Razali. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk sekitar.

Video Program





CABUTAN UNDI PERTANDINGAN BOLASEPAK PIALA DATUK BANDAR MBS 2022

Tarikh

25 Januari 2022 (Selasa)

Lokasi

Bilik Mesyuarat Dato' Shahbandar

Maklumat Program

Cabutan undi bagi Pertandingan Bolasepak Piala Datuk Bandar telah diadakan dan dipengerusikan oleh Datuk Bandar, YBhg. Dato' Masri Bin Haji Razali.

Seramai 32 wakil pasukan telah hadir untuk membuat cabutan undi dan memperkenalkan pasukan masing - masing kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban



CABUTAN UNDI PERTANDINGAN BOLASEPAK PIALA DATUK BANDAR MBS 2022





CABUTAN UNDI PERTANDINGAN BOLASEPAK PIALA DATUK BANDAR MBS 2022



 CABUTAN UNDI PERTANDINGAN BOLASEPAK PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN TAHUN 2022 							
KUMPULAN A	WARNA JERSEI	KUMPULAN B	WARNA JERSEI	KUMPULAN C	WARNA JERSEI	KUMPULAN D	WARNA JERSEI
A1. TEMIANG FC		B1. KILAT SEREMBAN FC		C1. KRT THIVY JAYA		D1. NUSA INTAN	
A2. TAMAN AMPANGAN		B2. ALAMANDA FC		C2. TAMAN NUSARI		D2. SRI ANDALAS	
A3. TAMAN DUSUN SETIA		B3. AINSDALE FC		C3. DESARHU FC		D3. KRT MAHFABH	
A4. DUSUN NEO FC		B4. TAMAN PERWIRA		C4. TAMAN MANTAU INDAH 3		D4. MBS A	
KUMPULAN E	WARNA JERSEI	KUMPULAN F	WARNA JERSEI	KUMPULAN G	WARNA JERSEI	KUMPULAN H	WARNA JERSEI
E1. MBS B		F1. RAHANG FC		G1. SRI LALANG FC		H1. TAMAN ABOK JAYA	
E2. SRI SENAWANG FC		F2. KG LBJ		G2. TAMAN SEREMBAN JAYA		H2. TAMAN JASMIN	
E3. KG RASAH FC		F3. BATU 3 SRI MAMBAU		G3. NILAI SPRING		H3. MBS C	
E4. PERMAI FC		F4. TAMAN PINGGIRAN SNWG		G4. TAMAN SRI KASIH		H4. TAMAN PANCHOR JAYA FC	



CABUTAN UNDI PERTANDINGAN BOLASEPAK PIALA DATUK BANDAR MBS 2022





CABUTAN UNDI PERTANDINGAN BOLASEPAK PIALA DATUK BANDAR MBS 2022





CABUTAN UNDI PERTANDINGAN BOLASEPAK PIALA DATUK BANDAR MBS 2022





JADUAL PERTANDINGAN BOLASEPAK PIALA DATUK BANDAR MBS 2022 YANG TELAH BERLANGSUNG

Tarikh	Hari	Sepakmula	No.	Kump.	Pasukan Tuan Rumah (PTR)	Lwn	Pasukan Pelawat (PL)	Venue
07 Feb 2022	Isnin	4.30 Petang	3	B	ALAMANDA FC	Lwn	AINSDALE FC	Padang BBN, Nilai
08 Feb 2022	Selasa	4.30 Petang	4	B	TAMAN PERWIRA	Lwn	KILAT SEREMBAN FC	Padang MBS A, Seremban
			5	C	TAMAN NUSARI	Lwn	DESA RHU FC	Padang MBS B, Seremban
			6	C	TAMAN MANTAU INDAH 3	Lwn	KRT THIVY JAYA	Padang BBN, Nilai
09 Feb 2022	Rabu	4.30 Petang	7	D	SRI ANDALAS	Lwn	KRT MAHFAH	Padang MBS A, Seremban
			8	D	MBS A	Lwn	NUSA INTAN	Padang MBS B, Seremban
			9	E	SRI SENAWANG FC	Lwn	KG. RASAH FC	Padang BBN, Nilai
10 Feb 2022	Khamis	4.30 Petang	10	E	PERMAI FC	Lwn	MBS B	Padang MBS A, Seremban
			11	F	KG. LBJ	Lwn	BATU3 SRI MAMBAU	Padang MBS B, Seremban
			12	F	TAMAN PINGGIRAN SENAWANG	Lwn	RAHANG FC	Padang BBN, Nilai



LAPORAN PROGRAM PELANCONGAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



PROGRAM CAMPERVAN RALLY SEREMBAN

Tarikh

31 Disember 2021 – 2 Januari 2022

Lokasi

Taman Malaysia Seremban

Tujuan

Mempromosikan Taman Malaysia sebagai lokasi Campervan

Program Utama

1. Promosi tapak Campervan di Taman Malaysia
2. Bacaan Yassin untuk mangsa banjir
3. Program CSR di 7 buah rumah mangsa banjir di Linggi





PROGRAM AKTIVITI BERBASIKAL DI TAMAN TASIK

Tarikh

8 Januari 2022 (Sabtu)

Lokasi

Laman Basikal, Taman Tasik Seremban

Penyertaan

1. Puan Azura Binti Abu Hassan,
Pengarah Pembangunan
Masyarakat &
Pelancongan MBS
2. 50 orang peserta awam dan
kelab





KURSUS PEMBANGUNAN COMMUNITY BASED TOURISM DAERAH SEREMBAN

Tarikh

24 & 25 Januari 2022 (Isnin & Selasa)

Lokasi

Dewan Orang Ramai Lenggeng

Maklumat Program

Bertarikh 24 dan 25 Januari 2022 (Isnin dan Selasa) telah berlangsungnya Kursus Pembangunan Community Based Tourism Seremban yang telah diadakan bersama pihak DUN Lenggeng.

Hadir bersama di dalam sesi kursus berkenaan iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Suhaimi Bin Kassim selaku Adun Kawasan Lenggeng. Untuk makluman, kursus yang diadakan ini berkonsepkan latihan pelancongan baharu dengan melibatkan penyertaan komuniti setempat dalam daerah Seremban bagi mewujudkan produk pelancongan tempatan. Ianya bertujuan membuka ruang dan peluang dalam memajukan industri pelancongan dan ekonomi penduduk setempat.



KURSUS PEMBANGUNAN COMMUNITY BASED TOURISM DAERAH SEREMBAN





PROGRAM AKTIVITI BERBASIKAL DI TAMAN TASIK

Tarikh

30 Januari 2022 (Ahad)

Lokasi

Laman Basikal, Taman Tasik Seremban

Penyertaan

1. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang
2. Puan Azura binti Abu Hassan, Pengarah Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS
3. 50 orang peserta awam





PROGRAM KOMUNITI FEBRUARI 2022



LAPORAN PROGRAM KOMUNITI & LA 21

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANGTAHUN KE-2 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

10 Februari 2022 (Khamis)

Lokasi

Masjid At-Taufiqiah, Taman Pinggiran Senawang

Maklumat Program

Majlis bacaan Yassin anjuran Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan di Masjid At-Taufiqiah, Taman Pinggiran Senawang dan dihadiri oleh Datuk Bandar, YBhg. Dato' Masri Bin Haji Razali.

Majlis ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk sekitar.

Video Program





PERTANDINGAN BOLA SEPAK PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2022

Tarikh

07 Februari 2022 (Isnin) – 25 Mac 2022 (Jumaat)

Maklumat Program

Pada 07 Februari 2022 (Isnin), Pertandingan Bola Sepak Piala Datuk Bandar anjuran Majlis Bandaraya Seremban telah bermula dengan menyaksikan seramai 32 buah pasukan yang bertanding di peringkat kumpulan. Perlawanan ini akan berlangsung di 6 peringkat iaitu;

- i. Peringkat Kumpulan (Minggu 1 - Minggu 4)
- ii. Peringkat Kumpulan Kedua (Minggu 5)
- iii. Peringkat Suku Akhir (Minggu 6)
- iv. Peringkat Separuh Akhir (Minggu 7)
- v. Peringkat Penentuan Tempat ke 3 & 4 (Minggu 8)
- vi. Perlawanan Akhir (Minggu 9)





PERTANDINGAN BOLA SEPAK PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2022

Maklumat Program

Sehingga 20 Mac 2022 (Ahad), sebanyak 2 buah pasukan daripada 32 buah pasukan yang telah layak ke perlawanan peringkat akhir. Pasukan-pasukan yang layak adalah;

- i. Dusun Neo FC
- ii. Kg. LBJ

Perlawanan peringkat akhir akan berlangsung di Stadium Tuanku Abdul Rahman (STAR) Paroi pada 25 Mac 2022 (Jumaat)





LAPORAN PROGRAM PELANCONGAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



PROGRAM AKTIVITI BERBASIKAL DI TAMAN TASIK SEREMBAN

Tarikh

27 Februari 2022 (Ahad)

Lokasi

Laman Basikal, Taman Tasik Seremban

Penyertaan

1. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Wanita, Keluarga Dan Kebajikan Negeri Sembilan, DUN Bukit Kepayang.
2. 30 orang peserta
3. Kelab Basikal NISMILANOLDIES





PROGRAM KOMUNITI MAC 2022



MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANGTAHUN KE-2 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

24 Mac 2022 (Khamis)

Lokasi

Masjid Taman Marida, Senawang

Maklumat Program

Majlis Bacaan Yassin anjuran Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan di Masjid Taman Marida, Senawang dan dihadiri oleh Datuk Bandar, YBhg. Dato' Masri Bin Haji Razali.

Majlis ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk sekitar.





MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PERALATAN REFLEKSOLOGI DI SMK WARISAN PUTERI

Tarikh

25 Mac 2022 (Jumaat)

Maklumat Program

Pada 25 Mac 2022 (Jumaat), telah diadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Refleksologi di SMK Warisan Puteri yang dihadiri oleh YBhg. Dato' Masri Bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban. Di antara peralatan yang telah disumbangkan oleh Majlis Bandaraya Seremban kepada pelajar – pelajar istimewa di sekolah berkenaan ialah :-

- i. Kabinet berkunci
- ii. Perkakasan mengurut (kayu dan minyak urut)
- iii. Set mesin urut kaki refleksologi
- iv. Sinki
- v. Kerusi malas
- vi. Bangku bulat
- vii. Tuala





MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PERALATAN REFLEKSOLOGI DI SMK WARISAN PUTERI

Maklumat Program

YBhg. Datuk Bandar juga telah menandatangani plak perasmian serta merasmikan Bilik Refleksologi SMK Warisan Puteri yang telah diberi wajah baru dalam suasana yang lebih ceria.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Md. Fiah Bin Md. Jamin, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus, Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Unit Majlis Bandaraya Seremban.





MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PERALATAN REFLEKSOLOGI DI SMK WARISAN PUTERI

Maklumat Program

Sumbangan peralatan ini diberikan bagi keperluan pelajar-pelajar istimewa yang memerlukan perhatian khusus terutamanya dalam aspek pembelajaran, latihan kemahiran hidup serta didikan bagaimana untuk mencari rezeki apabila mereka dewasa kelak.

Dalam bidang pendidikan, pelajar-pelajar istimewa ini tidak boleh disisihkan malah memerlukan perhatian dan didikan yang sempurna demi masa depan yang terjamin.

SEBELUM



SELEPAS





PROGRAM BUBUR LAMBUK MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2022

Tarikh

13 April 2022 (Rabu)

Maklumat Program

Program Bubur Lambuk dengan kerjasama Badan Kebajikan Islam (BAKI) Majlis Bandaraya Seremban, Kelab Sukan MBS dan Anulae Cawangan Seremban (MBS) 2022 telah diadakan pada 13 April 2022 (Rabu) dan telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban.

Sebanyak 1,300 bekas telah diedarkan kepada warga MBS dan 1,200 bekas kepada pembayar cukai taksiran.





PROGRAM BUBUR LAMBUK MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2022

Lokasi Agihan

1. Mydin Senawang (650 bungkus)
2. Tapak Bazar Ramadhan Jalan BBN 1/7A,
Putra Point Nilai (650 bungkus)





LAPORAN PROGRAM PELANCONGAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



PROGRAM RIA @ TAMAN TASIK SEREMBAN

Tarikh

5 Mac 2022 (Sabtu)

Lokasi

Taman Tasik Seremban

Maklumat Program

Program Ria @ Taman Tasik Seremban tersebut telah dihadiri oleh Puan Azura Binti Abu Hassan, Pengarah Pembangunan Masyarakat Dan Pelancongan.

Program tersebut telah disaji dengan aktiviti menarik, jualan IKS & kraftangan dan persembahan Busking





GOTONG-ROYONG KALI KE DUA DI JAMBATAN KERETAPI KG. CHEDANG

Tarikh

19 Mac 2022 (Sabtu)

Lokasi

Jambatan Keretapi Kg. Chedang

Maklumat Program

Satu gotong-royong kali ke dua telah diadakan di Jambatan Kg. Chedang, Rasah yang dianjurkan bersama oleh Majlis Bandaraya Seremban, Pejabat Dun Rahang, MPKK Kg. Rasah dan Swcorp Negeri Sembilan





GOTONG-ROYONG KALI KE DUA DI JAMBATAN KERETAPI KG. CHEDANG

Maklumat Program

Turut hadir sama ke program tersebut adalah YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang, Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha dan Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seremban.

Satu replika keretapi 2D telah dibangunkan oleh pihak MBS di atas jambatan tersebut.





LAWATAN TINJAUAN LALUAN PEJALAN KAKI DI PUSAT BANDAR SEREMBAN

Tarikh

23 Mac 2022 (Rabu)

Lokasi

Pusat Bandar Seremban

Maklumat Program

Pada 23 Mac 2022 (Rabu), telah diadakan lawatan penambahbaikan pejalan kaki yang dihadiri oleh Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mengenal pasti kawasan yang akan dinaik taraf sebagai laluan pejalan kaki yang cantik dan lebih teratur untuk orang awam.

Turut hadir bersama wakil daripada Syarikat Perunding Inspiranza Sdn Bhd.





MAJLIS PENYERAHAN TANDAS BAZAAR MAINS

Tarikh

31 Mac 2022 (Khamis)

Lokasi

Ruang Legar Bazaar MAINS

Maklumat Program

Pada 31 Mac 2022 (Khamis), telah berlangsung Majlis Penyerahan Tandas Kompleks Bazaar MAINS di antara Majlis Bandaraya Seremban dan MAINS yang dihadiri oleh YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban





MAJLIS PENYERAHAN TANDAS BAZAAR MAINS

Maklumat Program

Kerja-kerja menaiktaraf Tandas Bazaar MAINS telah bermula sejak 20 Ogos 2021 dan siap sepenuhnya pada Disember 2021. Projek naiktaraf ini merupakan pakej projek di dalam Kerja Naiktaraf Lorong Seni Seremban dan Pusat Informasi Pelancongan di Kompleks Bazaar MAINS.

Turut hadir bersama YBhg. Dato' Dr. Abdul Aziz bin Sheikh Ab. Kadir, Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Tuan Mas Misyawan bin Yahya, Setiausaha MBS, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Unit MBS.





PROGRAM KOMUNITI APRIL 2022



LAPORAN PROGRAM KOMUNITI & LA 21

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



PROGRAM JOM BERBUKA PUASA DI PADANG NS MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

24 April 2022 (Ahad)

Lokasi

Padang NS Majlis Bandaraya Seremban

Maklumat Program

Program Jom Berbuka Puasa telah diadakan pada 24 April 2022 Di Padang NS Majlis Bandaraya Seremban. Program tersebut telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban

Program ini juga dihadiri oleh Warga Bandar Raya Seremban





PROGRAM JOM BERBUKA PUASA DI PADANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Maklumat Program

Turut hadir bersama ialah Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban, Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha MBS, Ketua – Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS.

Pelbagai juadah berbuka puasa disediakan dan kemudahan fasiliti seperti surau dan tandas turut disediakan bagi memudahkan orang ramai.





LAPORAN PROGRAM PELANCONGAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



KARNIVAL BAZAR AIDILFITRI & KRAF 2022 DI LOBI WISMA MBS

Tarikh

25 - 27 April 2022 (Isnin - Rabu)

Lokasi

Lobi Wisma MBS

Maklumat Program

YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan telah menyempurnakan Gimik Pelancaran Program Bazar Aidilfitri & Kraf 2022 Majlis Bandaraya Seremban yang bertempat di Lobi Wisma MBS

Program ini diadakan selama 3 hari mulai 25 April hingga 27 April 2022.





KARNIVAL BAZAR AIDILFITRI & KRAF 2022 DI LOBI WISMA MBS

Maklumat Program

Program tersebut menjual pelbagai barangan, makanan dan pakaian bagi persiapan Hari Raya Aidilfitri.

Seramai 24 peniaga mengambil bahagian dalam program Bazar Aidilfitri dan Kraf 2022 ini. Program ini juga terbuka kepada semua Warga Bandar Raya Seremban.

Jumlah hasil jualan daripada 24 peniaga dalam masa 3 hari ialah sebanyak RM47,857.00.

Acara cabutan bertuah telah diadakan semasa program tersebut berlangsung kepada pengunjung yang hadir.





PROGRAM KOMUNITI MEI 2022



LAPORAN PROGRAM KOMUNITI & LA 21

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANG TAHUN KEDUA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

26 Mei 2022 (Khamis)

Lokasi

Masjid Jamek Dato' Klana Petra Sendeng,
Ampangan

Maklumat Program

YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah bersama-sama menghadiri ke Masjid Jamek Dato' Klana Petra Sendeng, Ampangan bagi Majlis Bacaan Yassin sempena ulang tahun kedua Majlis Bandaraya Seremban.





MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANG TAHUN KEDUA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Maklumat Program

Selain dapat mengimarahkan masjid-masjid di sekitar daerah Seremban, ianya juga dapat menjaga hubungan baik di antara Majlis Bandaraya Seremban dan qariah-qariah yang terlibat dalam membincangkan berkenaan hal-hal yang berkaitan di kawasan qariah.

Turut hadir pada program tersebut, Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Unit dan pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Seremban.

Video





PROGRAM PLOGGING BUMI HIJAU MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BERSAMA MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

Tarikh

28 Mei 2022 (Sabtu)

Lokasi

Taman Eko Rimba Ulu Bendul, Kuala Pilah

Maklumat Program

YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah bersama – sama memeriahkan program Plogging Bumi Hijau di Taman Eko Rimba Ulu Bendul, Kuala Pilah.

Turut hadir sama, Ahli – Ahli Majlis MBS, Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha MBS, Tuan Amin Jamail bin Thamimul Ansary, Setiausaha Majlis Daerah Kuala Pilah, Pengarah SWCorp Negeri Sembilan, Ketua-Ketua Jabatan / Ketua-Ketua Unit MBS, Ketua-Ketua Bahagian MDKP serta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban, Majlis Daerah Kuala Pilah dan SWCorp.





PROGRAM PLOGGING BUMI HIJAU MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BERSAMA MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

Maklumat Program

Objektif program ini ialah mendidik masyarakat pentingnya sikap menghargai dan mencintai alam sekitar. Majlis Bandaraya Seremban telah menyumbangkan 3 set bangku batu (simen ferro) untuk kemudahan pengunjung di Taman Eko Rimba, Ulu Bendul.

Program plogging ini merupakan program usahasama MBS, MDKP dan SWCorp Negeri Sembilan.

Aktiviti

- i. Senamrobik
- ii. Cabutan Bertuah
- iii. Kutipan Sampah Terberat





LAPORAN PROGRAM SUKAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



PERTANDINGAN GUSTI LENGAN MR. SEREMBAN 2022

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

29 Mei 2022 (Ahad)

Lokasi

Mydin Senawang

Maklumat Program

Seramai 96 peserta yang terdiri daripada Negeri Sembilan, Putrajaya, Johor, Melaka, Selangor, Sarawak, Pahang dan terdapat juga peserta daripada Singapura. Rata-rata peserta yang bertanding pernah mewakili negara di peringkat antarabangsa.





PERTANDINGAN GUSTI LENGAN MR. SEREMBAN 2022

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN


Maklumat Program

YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah pada pertandingan tersebut.

Turut hadir sama ialah Ahli-Ahli Majlis MBS, Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha MBS, Ketua-Ketua Jabatan MBS, Ketua-Ketua Unit MBS serta *Malaysia Armwrestling Federations(MyArms)*

Kategori

- i. 70 kg ke bawah
- ii. 70 kg – 86 kg
- iii. 86 kg ke atas





PROGRAM KOMUNITI JUN 2022



LAPORAN PROGRAM KOMUNITI & LA 21

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANG TAHUN KEDUA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

23 Jun 2022 (Khamis)

Lokasi

Masjid Dato' Penghulu Menteri Sungei Ujong (Masjid Kuarters KLIA)

Maklumat Program

YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah menghadiri Majlis Bacaan Yassin Sempena Ulang Tahun Kedua Majlis Bandaraya Seremban di Masjid Dato' Penghulu Menteri Sungei Ujong (Masjid Kuarters KLIA).





MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANG TAHUN KEDUA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Maklumat Program

Selain dapat mengimarahkan masjid-masjid di sekitar daerah Seremban, ianya juga dapat menjaga hubungan baik di antara Majlis Bandaraya Seremban dan qariah-qariah yang terlibat dalam membincangkan berkenaan hal-hal yang berkaitan di kawasan qariah.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis MBS, Pembantu Ahli Majlis MBS, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Unit MBS serta pegawai-pegawai MBS.





PROGRAM MASYARAKAT PENYAYANG (LA21) BERSAMA PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK) PEKAN MANTIN

Tarikh

28 Jun 2022 (Selasa)

Lokasi

Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Pekan Mantin

Maklumat Program

YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah merasmikan Program Masyarakat Penyayang (LA21) Bersama Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Pekan Mantin.

YBhg. Datuk Bandar juga telah menyampaikan sumbangan Bantuan Alat Mengajar kepada PPDK Pekan Mantin seperti *trampoline*, *touch ball*, *massage ball*, *walking frame*, *kerusi*, *meja* dan lain-lain peralatan yang bernilai RM5,000.00.





PROGRAM MASYARAKAT PENYAYANG (LA21) BERSAMA PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK) PEKAN MANTIN

Maklumat Program

Turut hadir semasa majlis penyampaian ialah En. Mustafal Bakri bin Mohammad Yusof (Ketua Bahagian Pembangunan OKU dan Warga Emas Jab. Kebajikan Masyarakat N.Sembilan), Pn. Maziliah bt Mohd Abu (wakil Jab. Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban), En. Abdul Gani bin Mohamad Daud (Pengerusi PPDK Pekan Mantin), Ketua-Ketua Jabatan & Unit MBS serta pegawai-pegawai MBS.





LAPORAN PROGRAM SUKAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



KEJOHANAN BOLA TAMPAR PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2022

Tarikh

12 Jun 2022 (Ahad)

Lokasi

Kompleks Sukan Negeri, Paroi

Maklumat Program

YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah hadir bersama bagi menyaksikan dan menyampaikan hadiah serta piala Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban 2022. Sebanyak 19 pasukan lelaki dan 7 pasukan wanita terdiri daripada warga Negeri Sembilan telah menyertai pertandingan ini.





KEJOHANAN BOLA TAMPAR PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2022

Keputusan Perlawanan

Pasukan Lelaki

Johan → Al-Hidayah → RM1,500.00 + Medal
Naib Johan → Bancuh VC → RM1,000.00 + Medal
Ketiga → MBS 'B' → RM 750.00 + Medal

Pasukan Wanita

Johan → Oh Lady → RM1,500.00 + Medal
Naib Johan → Kuntom VC → RM1,000.00 + Medal
Ketiga → Helang VC → RM 750.00 + Medal

Turut hadir semasa pertandingan diadakan ialah Ahli-Ahli Majlis MBS, Tn. Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha MBS, Pembantu Ahli Majlis MBS, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS serta pegawai-pegawai MBS.





LAPORAN PROGRAM PELANCONGAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



LAWATAN KERJA PENANDA ARAS SKOP PENGURUSAN DAN PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DALAM PEMBANGUNAN UNIT PELANCONGAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI KE MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Tarikh

2 Jun 2022 (Khamis)

Lokasi

Majlis Bandaraya Seremban

Maklumat Program

Majlis Bandaraya Seremban telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri ke Majlis Bandaraya Seremban.

Tujuan utama lawatan kerja ini adalah untuk perkongsian penanda aras skop pengurusan dan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam pembangunan Unit Pelancongan Majlis Bandaraya Seremban (MBS).





LAWATAN KERJA PENANDA ARAS SKOP PENGURUSAN DAN PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DALAM PEMBANGUNAN UNIT PELANCONGAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI KE MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Lokasi Lawatan

1. Muzium Negeri dan Makan Beradat
2. Lorong Seni Seremban
3. Taman Rekreasi Air, Taman Tasik Seremban
4. X-Park, Bandar Sri Sendayan





MAJLIS PENYERAHAN TAPAK *HISTORICAL RAIL TOURISM* DI KAMPUNG CHEDANG

Tarikh

3 Jun 2022 (Jumaat)

Lokasi

Kampung Chedang

Maklumat Program

YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang telah hadir bersama – sama dalam menyempurnakan Majlis Penyerahan Tapak Rasah *Historical Rail Tourism*.

YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban turut menandatangani Sijil Penyerahan Tapak Rasah *Historical Rail Tourism* kepada Encik Yusuf bin Othman, Pengerusi MPKK Kampung Rasah.






MAJLIS PENYERAHAN TAPAK *HISTORICAL RAIL TOURISM* DI KAMPUNG CHEDANG

Latar Belakang

Syarikat pengeluar : Dubs&Co, Scotland
Tahun pengeluaran : 1891
Tahun pelupusan : November 1924
Kegunaan : Tren barang dan penumpang

Dinamakan sempena nama Pesuruhjaya Tinggi Negeri - Negeri Selat, iaitu Sir John Frederick Dickson. Lokomotif ini dinomborkan sebagai SUR3 pada tahun 1891 hingga 1907 dan dinomborkan semula sebagai FMSK 101 pada tahun 1908.





LAWATAN KERJA DAN PERKONGSIAN ILMU BERKAITAN PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR (P3S) MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

Tarikh

8 Jun 2022 (Rabu)

Lokasi

Majlis Perbandaran Hulu Selangor

Maklumat Program

Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan lawatan kerja dan perkongsian ilmu ke Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Lawatan tersebut bertujuan mempelajari berkaitan Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) dalam memproses kelulusan dan lesen premis serta aktiviti pelancongan.

Lawatan tersebut telah diketuai oleh En. TPr. Mohd Helimy Bin Samat, Ahli Majlis MBS. Turut hadir sama Ahli-Ahli Majlis MBS, Puan Azura binti Abu Hassan, Pengarah JPMP MBS, Puan Siti Mazlina bin Maidin, Pengarah MOTAC NS, wakil Pejabat Daerah Tanah, wakil LPNS dan wakil jabatan di peringkat MBS.





PROGRAM COMMUNITY BASED TOURISM SEREMBAN DUN LABU

Tarikh

20 Jun 2022 (Isnin)

Lokasi

Mukim Labu, Seremban

Maklumat Program

Program ini telah disempurnakan perasmianya oleh YB Dato' Haji Ismail bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat Luar Bandar merangkap ADUN Labu.

Turut hadir iaitu En TPr. Mohd Helimy bin Samat Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban, Puan Azura binti Abu Hassan Pengarah Pembangunan Masyarakat Dan Pelancongan, pegawai-pegawai Unit Pelancongan MBS dan MPKK DUN Labu.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti produk pelancongan yang boleh dibangunkan di kawasan Mukim Labu serta menjelajah ke kawasan yang mempunyai potensi untuk dijadikan tempat pelancongan yang menarik untuk dilawati.





LAWATAN HORMAT PENSYARAH INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY & COLLEGES

Tarikh

23 Jun 2022 (Khamis)

Lokasi

Pejabat Datuk Bandar, MBS

Maklumat Program

YBhg. Dato' Masri bin Hj Razali Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah menerima satu lawatan hormat oleh Prof. Dr. Alex Ng Hou selaku pensyarah *INTI International University & Colleges* bagi membincangkan *Employer Project (Final Year) student INTI International University & Colleges*.

Tujuan lawatan adalah bagi membincangkan *penyediaan satu video khas dalam mempromosikan Lorong Seni Seremban sebagai salah satu produk yang wajib dilawati*.

Hadir bersama dalam sesi lawatan berkenaan iaitu Puan Azura Binti Abu Hassan, Pengarah Pembangunan Masyarakat & Pelancongan dan En. Shamaruddin bin Saidin, Ketua Unit Pelancongan MBS





PROGRAM KOMUNITI SEHINGGA 16 JULAI 2022



LAPORAN PROGRAM SUKAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI DAN NAIKTARAF PADANG BOLA SERTA SUMBANGAN PERALATAN BOLA SEPAK UNTUK BELIA KAMPUNG ORANG ASLI TEKIR MANTERA

Tarikh

16 Julai 2022 (Sabtu)

Lokasi

Kampung Orang Asli Tekir Mantera

Maklumat Program

YBhg. Dato' Masri bin Haji Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah menyempurnakan Program Komuniti Orang Asli dan Naik taraf Padang Bola Sepak Serta Sumbangan Peralatan Bola Sepak Untuk Belia Kampung Orang Asli Tekir Mantera. Program ini telah mendapat kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Sembilan bertujuan untuk memberi manfaat kepada komuniti Orang Asli Kg. Tekir Mantera khususnya golongan belia.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI DAN NAIKTARAF PADANG BOLA SERTA SUMBANGAN PERALATAN BOLA SEPAK UNTUK BELIA KAMPUNG ORANG ASLI TEKIR MANTERA

Maklumat Program

Pihak Matrix Concept Group turut menyumbang 15 pasang kasut bola kepada belia-belia Kg. Tekir Mantera.

Pentadbiran Majlis telah menyumbang 2 set tiang gol , bersama jaring berjumlah RM6,245.00.

Turut hadir semasa Majlis berlangsung ialah TPr. Helimy bin Samat (Ahli Majlis MBS), Tn. Mas Midyawan bin Yahya (Setiausaha MBS), Pn. Khairul Bariah (wakil JAKOA Daerah Seremban, Tok Batin Ramli bin Taka (Tok Batin Kg. Tekir Mantera), En. Yahya bin Abdullah (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan & Kemajuan Kampung Orang Asli Kg. Tekir Mantera), Tn. Hj. Mustaza bin Musa (wakil Matrix Concept Group), Ketua-Ketua Jabatan MBS, Ketua Unit MBS dan pegawai-pegawai.





LAPORAN PROGRAM PELANCONGAN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
PELANCONGAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



FAM TRIP PRODUK PELANCONGAN PESONA SEREMBAN 2022

Tarikh

13 & 14 Julai 2022 (Rabu dan Khamis)

Lokasi

Sekitar Daerah Seremban

Maklumat Program

Fam Trip Produk Pelancongan Pesona Seremban 2022 telah diadakan di sekitar produk pelancongan yang ada di daerah Seremban.

Turut hadir dalam merasmikan *Fam Trip* Produk Pelancongan Pesona Seremban 2022 iaitu YBhg. Dato' Masri bin Hj. Razali, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban, Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Puan Azura binti Abu Hassan Pengarah Pembangunan Masyarakat & Pelancongan dan para pegawai Unit Pelancongan MBS.





FAM TRIP PRODUK PELANCONGAN PESONA SEREMBAN 2022

Maklumat Program

Program ini melibatkan pelbagai agensi dalam mempromosikan daerah Seremban sebagai sebuah destinasi pelancongan menarik untuk dikunjungi oleh pelancong mahu pun dari dalam dan luar negeri.

Di antara agensi yang terlibat ialah pihak *Tourism Malaysia Kuala Lumpur*, *Travel Agent*, *Tourist Guide*, *RTM* dan pihak *Media Bloggers* dalam menjayakan Fam Trip Pesona Seremban 2022.

